



جَابَتَن كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



HIMPUNAN HADITH-HADITH SAHIH SIRI 2
AMALAN SUNNAH PUASA & RAMADAN

مِفْتَاحُ الْقِيَامِ

KUNCI

MENDIRIKAN RAMADAN



جَابَاتِن كَمَا جُوانِ إِسْلَامِ مالِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my

Terbitan 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

HIMPUNAN HADITH-HADITH SAHIH SIRI 2

AMALAN SUNNAH PUASA & RAMADAN

(Miftah al-Qiyam)

Reka Bentuk dan Atur Huruf

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Aras 4&5, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya

No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman

Presint 3, 62100 Putrajaya

Terbitan


JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM	i
Mukadimah	ii
SIRI 2 : AMALAN SUNNAH PUASA & RAMADAN	1
- Apakah Maksud Mendirikan Ramadan?	2
- Solat Tarawih Adalah Sunat	4
- Menyegerakan Berbuka Itu Sunnah	7
- Allah Mengasihi Orang Yang Menyegerakan Berbuka	9
- Menyegerakan Berbuka Membezakan Puasa Ahli Kitab	11
- Makanan Yang Disunnahkan Untuk Berbuka Puasa	13
- Berbuka Dengan Tamar Mendapat Keberkatan	14
- Pahala Menjamu Orang Berbuka Puasa	16
- Kelebihan Orang Yang Berpuasa Jika Orang Lain Makan di Di Sisinya	18
- Doa Untuk Tuan Rumah Yang Menjamu Berbuka Puasa	21
- Doa Berbuka Puasa	24
- Kebiasaan Doa Nabi Ketika Berbuka Puasa	26
- Disebalik Bersahur Ada Keberkatan	29
- Sahur Membezakan Puasa Ahli Kitab	31
- Tamar Adalah Sebaik-Baik Makanan Sahur	33
- Sekurang-kurang Kadar Makanan Sahur	35
- Jarak Masa Antara Waktu Sahur Dan Subuh	37
- Perbezaan Azan Sahur Dan Subuh	39
- Pahala Umrah Di Bulan Ramadan	42
- Rujukan	45
- Penghargaan	47



KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang memiliki dan menguasai sekalian alam. Selawat dan salam dilimpahkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, keluarga, para sahabat dan seluruh orang yang memperjuangkan syariat-Nya sehingga hari kiamat.

Alhamdulillah, saya bagi pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penulis dan semua pihak yang telah berusaha bersungguh-sungguh menyiapkan buku himpunan hadith-hadith sahih yang dikeluarkan secara bersiri ini.

Semoga dengan himpunan hadith-hadith sahih ini dapat menjadi pedoman dan rujukan kepada masyarakat dalam menjalani amal ibadah dengan penuh keyakinan.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT memberikan taufik dan inayah-Nya agar kita semua digolongkan dikalangan hamba-Nya yang bertaqwa.

آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH




MUKADIMAH

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam diutuskan buat junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ serta mereka yang mengikuti jalan Baginda ﷺ sehingga hari kemudian.

Siri himpunan hadith-hadith sahih ini diterbitkan untuk menjadi pedoman dan rujukan kepada masyarakat Islam dalam mengenali hadith-hadith sahih daripada kitab-kitab hadith yang muktabar. Dalam siri kedua ini, diberi nama **'Miftah al-Qiyam'** (Kunci Mendirikan Ramadan) menghimpunkan hadith-hadith sahih berkaitan amalan sunnah puasa & Ramadan bersama pengajarannya secara ringkas dan mudah agar dapat menjadi *taghrib* (galakkan) untuk mengamalkannya serta menjadi *tarhib* (ancaman) bagi memenuhi tuntutan Ramadan serta ibadah puasa itu sendiri. Seterusnya akan diikuti dengan siri ketiga berkaitan muhasabah dan amalan-amalan di akhir Ramadan.

'Miftah al-Qiyam' ini akan menyentuh maksud 'Mendirikan Ramadan' dan amalan-amalan sunnah yang amat dititikberatkan oleh Nabi ﷺ agar setiap umatnya mendapat fadilat serta ganjaran pahala yang telah dijanjikan oleh Allah SWT. Sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ dan para sahabat Baginda adalah contoh ikutan terbaik dalam melaksanakan amal ibadah terutamanya di bulan Ramadan. .../




MUKADIMAH

Hakikatnya, banyak lagi hadith dan kisah para sahabat Nabi ﷺ yang boleh dijadikan pedoman dan pengajaran dalam memburu keampunan dan ganjaran yang berganda di bulan Ramadan.

Al-Hafiz Ibn Rajab dalam kitabnya *Lata'if al-Ma'arif* (1/319) berkata: *"Ketahuilah bahawa pada diri seorang mukmin itu terhimpun pada dirinya dua jenis jihad di dalam bulan Ramadan. Pertama adalah jihad pada waktu siang dengan berpuasa. Manakala kedua adalah jihad pada waktu malam dengan melakukan qiyam (solat tarawih). Maka sesiapa yang menghimpunkan antara dua jihad ini dan menunaikan hak keduanya serta bersabar dalam melakukannya, maka sesungguhnya akan diberi ganjaran pahala kepadanya dengan kadar yang tidak terhitung besarnya."*

Semoga Allah SWT dengan kemurahan-Nya dan keberkatan kekasih-Nya Nabi Muhammad ﷺ menerima usaha yang sedikit ini dan menjadi asbab bertambahnya kecintaan kepada Baginda ﷺ.

Penyusun



SIRI 2

AMALAN SUNNAH PUASA & RAMADAN

Sesungguhnya Allah telah memilih bulan Ramadan yang mulia dengan menurunkan al-Quran sebagai petunjuk kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ
الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ

Maksudnya:

“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah..”
(Surah al-Baqarah, ayat 185)

Allah SWT juga telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW untuk menunjukkan akhlak sebagaimana kandungan al-Quran yang telah diturunkan dan merupakan contoh ikutan yang terbaik bagi menjalani ibadah dalam bulan Ramadan dengan sebaik-baiknya.

APAKAH MAKSUD MENDIRIKAN RAMADAN?


١ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب صلاة التراويح، باب فضل من قام رمضان، حديث رقم 2009 ومسلم في صحيحه، كتاب المساجد ومواضع الصلاة، باب التَّزْغِيْبُ فِي قِيَامِ رَمَضَانَ وَهُوَ التَّارَوِيْحُ، حديث رقم 759.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata; bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang mendirikan (memenuhi tuntutan puasa dan menghidupkan malam-malam) Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapakan keredhaan Allah, akan diampunkan semua dosanya yang terdahulu."

(Mutafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab Sholatu at-Tarawih, Bab Fadhu Man Qama Ramadhana*, no. 2009 dan Muslim, *Kitab al-Masajid wamawadhi' ash-Sholati, Bab at-Taghibu Fi Qiyami Ramadhana wahuwa at-Tarawihu*, no. 759)



PENGAJARAN HADITH

1. Allah SWT telah mensyariatkan puasa pada siang hari pada bulan Ramadan dan menggalakkan solat sunat Tarawih dan ibadah-ibadah lain pada malamnya.
2. Antara ganjaran bagi orang yang menghidupkan malam pada bulan Ramadan dengan kesungguhan dan keikhlasan mengharapkan keredaan Allah maka akan mendapat pengampunan dosa daripada Allah SWT.
3. Jumhur Ulama As-Syafie, mazhab Imam Abu Hanifah, Mazhab Imam Ahmad dan sebahagian ulama mazhab Maliki telah bersepakat mengatakan solat sunat tarawih ini yang afdalnya dilakukan secara berjemaah sebagaimana yang telah dilakukan oleh Saidina Umar dan para sahabat RA.



SOLAT TARAWIH ADALAH SUNAT

٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُرَغِّبُ فِي قِيَامِ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَأْمُرَهُمْ فِيهِ بِعَزِيمَةٍ فَيَقُولُ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، فَتُوفِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْأَمْرُ عَلَى ذَلِكَ ثُمَّ كَانَ الْأَمْرُ عَلَى ذَلِكَ فِي خِلَافَةِ أَبِي بَكْرٍ وَصَدْرًا مِنْ خِلَافَةِ عُمَرَ عَلَى ذَلِكَ.


-أخرجه مسلم في صحيحه، كِتَابُ الْمَسَاجِدِ وَمَوَاضِعِ الصَّلَاةِ،
بَابُ التَّرْغِيبِ فِي قِيَامِ رَمَضَانَ وَهُوَ التَّرَاوِيحُ، حَدِيثٌ رَقْمٌ 759.



SOLAT TARAWIH ADALAH SUNAT

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: “Adalah Rasulullah ﷺ menggalakkan untuk mendirikan Ramadan (dengan amalan soleh) tanpa menyuruh mereka dengan ‘*azimah*’ (kesungguhan yang menunjukkan wajib) dan Baginda ﷺ bersabda: “Sesiapa yang mendirikan Ramadan (solat tarawih) dengan penuh keimanan dan *ihhtisab* (mengharapkan keredhaan Allah) akan diampunkan dosanya yang telah lalu. Maka selepas Rasulullah ﷺ wafat, perkara itu adalah tetap diteruskan seperti itu. Demikian pula pada zaman Khilafah Abu Bakar RA hingga pada permulaan Khilafah ‘Umar RA adalah tetap diteruskan seperti itu.”

(Riwayat Muslim, *Kitab al-Masajid, Wa Mawdhiú as-Solati, Bab at-Taghribu Fi Qiyami Ramadana Wa Huwa at-Tarawih*, no. 759)



PENGAJARAN HADITH

1. Amalan menghidupkan malam Ramadan adalah sunnah Nabi ﷺ dan antara amalan yang disunatkan adalah solat-solat sunat seperti solat tarawih, solat tahajud, solat witr dan lain-lain.
2. Ibadah-ibadah sunat yang lain seperti membaca al-Quran, bersedekah, iktikaf dan lain-lain turut dikira sebagai menghidupkan malam Ramadan.
3. Allah SWT menjanjikan keampunan kepada sesiapa yang menghidupkan malam Ramadan kerana amalan yang baik akan menghapuskan dosa.



MENYEGERAKAN BERBUKA ITU SUNNAH

٣- عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب تعجيل الإفطار، حديث رقم 1957، ومسلم في صحيحه، كتاب الصيام، باب فضل السحور، حديث رقم 1098.

Maksudnya:


Daripada Sahl bin Sa'di RA, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Manusia itu akan sentiasa berada di dalam kebaikan selagimana mereka tidak melewatkan berbuka puasa."

(Muttafaqun 'alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab ash-Shaumu, Bab Ta'jilu al-Iftor*, no. 1957 dan Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhlu as-Suhur*, no.1098)



PENGAJARAN HADITH

1. Allah SWT telah menfardukan amalan berpuasa kepada hamba-hamba-Nya agar setiap hamba-Nya bukan sahaja mendapat natijah jasmaniah disebalik berpuasa tetapi juga rohaniah.
2. Bagi yang berpuasa disunatkan untuk menyegerakan berbuka setelah masuknya waktu berbuka puasa tanpa menanggukannya dengan amal ibadah yang lain.
3. Orang yang menyegerakan berbuka puasa akan sentiasa dalam kebaikan. Antara kebaikannya adalah doa orang berpuasa ketika berbuka adalah mustajab dan mengikuti sebagaimana sunnah yang telah diajarkan oleh Baginda Nabi ﷺ ketika berbuka adalah kebaikan yang teramat besar.



ALLAH MENGASIHI ORANG YANG MENYEGERAKAN BERBUKA

٤ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: أَحَبُّ عِبَادِي إِلَيَّ أَعَجَلُهُمْ فِطْرًا.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الصَّوْم، بابُ مَا جَاءَ فِي تَعْجِيلِ الْإِفْطَارِ، حديث رقم 700، وَقَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata; Rasulullah ﷺ bersabda: "Allah 'Azza wa Jalla berfirman (dalam hadith qudsi): "Aku (Allah) sangat mengasihi hamba-hamba-Ku yang menyegerakan berbuka puasa."

(Riwayat at-Tirmizi, *Kitab ash-Shaum, Bab Ma Jaá Fi Ta'jili al-Iftor*, no. 700, katanya hadith ini, hadith hasan gharib)



PENGAJARAN HADITH

1. Ibadah puasa dapat mendekatkan seseorang hamba kepada Allah SWT.
2. Berbuka puasa juga adalah ibadah kerana ia melengkapkan maksud ibadah puasa itu sendiri. Bahkan Allah SWT akan lebih mengasihi orang yang menyegerakan berbuka puasa berbanding hamba-hamba-Nya yang melewatkan berbuka puasa.
3. Justeru, orang yang melewatkan berbuka puasa tidak akan mendapat kelebihan sebagaimana orang yang menyegerakan berbuka puasa kerana itu tidak mengikut sunnah Nabi ﷺ.



MENYEGERAKAN BERBUKA MEMBEZAKAN PUASA AHLI KITAB


٥ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَزَالُ الدِّينُ ظَاهِرًا مَا عَجَّلَ
النَّاسُ الْفِطْرَ، لِأَنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى
يُؤَخِّرُونَ.

-أخرجه أبو داود في سننه، كتاب الصوم، باب ما يُسْتَحَبُّ مِنْ
تَعْجِيلِ الْفِطْرِ، حديث رقم 2353، وقال الأرنؤوط: صحيح لغيره
دون قوله: "لأن اليهود والنصارى يؤخرون"، وهذا إسناد حسن.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi ﷺ bersabda: "Agama ini akan tetap tertegak (sentiasa dalam kebaikan) selama manusia (kaum muslimin) menyegerakan berbuka puasa, kerana orang yahudi dan nasrani suka lewat-lewatkannya."

(Riwayat Abu Dawud, *Kitab ash-Shaum, Bab Ma Yustahabbu Min Tajili al-Fitri*, no. 2353, berkata al-Arnaút: *Sahih Lighairihi* melainkan lafaznya 'kerana orang yahudi dan nasrani suka lewat-lewatkannya' dan sanadnya hasan)



PENGAJARAN HADITH

1. Ibadah puasa adalah ibadah yang turut disyariatkan kepada para anbia dan umat terdahulu.
2. Umat Islam disunnahkan untuk menyegerakan berbuka puasa apabila terbenamnya matahari. Manakala golongan Yahudi dan Nasrani pula suka melewatkan berbuka puasa sehinggalah nampaknya bintang.
3. Justeru, umat Islam dituntut agar tidak mengikuti amalan, budaya dan cara hidup yang dilakukan oleh golongan Yahudi dan Nasrani kerana amalan mereka menuju kepada kesesatan dan menyimpang daripada sunnah Nabi ﷺ.



MAKANAN YANG DISUNNAHKAN UNTUK BERBUKA PUASA

٦- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ عَلَى رُطَبَاتٍ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٍ فَتُمَيْرَاتٍ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تُمَيْرَاتٍ حَسًا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الصوم، باب ما جاء ما يُسْتَحَبُّ عَلَيْهِ الْإِفْطَارُ، حديث رقم 696، وقال هذا حديث حسن غريب.

Maksudnya:

Daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata, adalah Rasulullah ﷺ akan berbuka sebelum melakukan solat (Maghrib) dengan beberapa buah *rutob* (tamar basah), tetapi apabila tidak ada *rutob* (kurma basah), maka dengan buah tamar (kurma yang kering) tetapi apabila tidak ada tamar (kurma yang kering), maka Baginda ﷺ akan minum beberapa teguk air."

(Riwayat at-Tirmizi dalam sunannya, *Kitab ash-Shaum, Bab Ma Jaá Ma Yustahabbu Álayhi al-Iftar*, no. 696 dan mengatakan: Hadith ini adalah hasan gharib)



BERBUKA DENGAN TAMAR MENDAPAT KEBERKATAN

٧- عَنْ الرَّبَابِ عَنْ عَمِّهَا سَلْمَانَ بْنِ عَامِرٍ
يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا
أَفْطَرَ أَحَدُكُمْ فَلْيُفْطِرْ عَلَى تَمْرٍ فَإِنَّهُ بَرَكَةٌ فَإِنْ
لَمْ يَجِدْ تَمْرًا فَالْمَاءُ فَإِنَّهُ طَهُورٌ.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الزكاة، باب ما جاء في الصدقة
على ذي القرابة.، حديث رقم 658، وقال أبو عيسى حديث سلمان
بن عامر حديث حسن.

Maksudnya:


Daripada ar-Rabab, daripada bapa saudaranya Salman bin 'Amir RA yang mendengarnya daripada Nabi ﷺ bersabda: "Apabila salah seorang di antara kamu berbuka puasa, maka berbukalah dengan buah tamar (buah kurma kering) kerana sesungguhnya ia mempunyai keberkatan. Sekiranya kamu tidak mendapatinya, maka berbukalah dengan air kerana sesungguhnya air itu suci."

(Riwayat at-Tirmizi, *Kitab az-Zakah, Bab Ma Jaá Fi as-Sodaqati ála Zi al-Qarabati*, no. 658, dengan katanya: Hadith hasan.



PENGAJARAN HADITH

1. Sunnah Nabi ﷺ ketika berbuka puasa adalah dengan mendahuluinya dengan buah tamar.
2. Berbuka dengan tamar akan memperolehi banyak keberkatan dan kebaikan daripada Allah SWT. Sekiranya buah tamar sukar didapati maka memadai berbuka dengan beberapa teguk air.
3. Ini menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan penganutnya apabila berbuka puasa dengan bersederhana dan memakan makanan yang bersih lagi suci kerana ianya dapat memberikan kekuatan dalam beribadah serta kesihatan kepada jasmani.



PAHALA MENJAMU ORANG BERBUKA PUASA

٨- عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الصَّوْم، بابُ مَا جَاءَ فِي فَضْلِ مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا، حديث رقم 807، وَقَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Maksudnya:


Daripada Zaid bin Khalid al-Juhaniy RA, beliau berkata Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang memberi *iftar* (berbuka puasa) kepada orang yang berpuasa, dia akan mendapat pahala daripada pahala puasa orang yang berbuka itu tanpa mengurangkan sedikit pun pahala orang yang berpuasa itu."

(Riwayat at-Tirmizi, *Kitab ash-Shaum, Bab Ma Ja'a Fi Fadhli Man Fattora Shoiman*, no. 807, dengan katanya hadith ini hasan sahih)



PENGAJARAN HADITH

1. Islam adalah agama yang menitikberatkan hubungan persaudaraan dan saling bantu-membantu.
2. Amalan memberi dan bersedekah terutamanya di bulan Ramadan amatlah digalakkan. Seseorang yang memberi makan orang yang berpuasa sekalipun dia sendiri berkeuzuran untuk berpuasa tetap berpeluang mendapat pahala orang yang berpuasa tanpa mengurangkan sedikitpun pahala orang dijamu berbuka tersebut.
3. Justeru, besarnya kelebihan dan pahala orang memberi makan kepada orang yang berpuasa walaupun hanya dengan sebiji tamar ataupun seteguk air.



KELEBIHAN ORANG YANG BERPUASA JIKA ORANG LAIN MAKAN DISISINYA

٩- عَنْ أُمِّ عُمَارَةَ بِنْتِ كَعْبِ الْأَنْصَارِيَِّّةِ أَنَّ
النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا
فَقَدَّمَتْ إِلَيْهِ طَعَامًا، فَقَالَ: كُلِّي. فَقَالَتْ:
إِنِّي صَائِمَةٌ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: إِنَّ الصَّائِمَ تُصَلِّي عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ إِذَا
أَكَلَ عِنْدَهُ حَتَّى يَفْرُغُوا وَرُبَّمَا قَالَ: حَتَّى
يَشْبَعُوا.


-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الصَّوْم، بَابُ مَا جَاءَ فِي فَضْلِ
الصَّائِمِ إِذَا أُكِلَ عِنْدَهُ، حديث رقم 786,785، وَقَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا
حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.



KELEBIHAN ORANG YANG BERPUASA JIKA ORANG LAIN MAKAN DISISINYA


Daripada Ummu 'Umarah binti Ka'ab al-Anshariyah RA, bahawa Nabi ﷺ datang menemuinya, kemudian dia pun menghidangkan makanan kepada Baginda ﷺ. Lalu Nabi ﷺ mempelawa beliau: "Makanlah!" Ummu 'Umarah menjawab: "Saya sedang berpuasa." Maka Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa apabila dia memberi makan apa yang ada disisinya, para malaikat akan sentiasa berselawat (memohon keampunan) ke atasnya sehingga mereka (orang yang makan) selesai daripada memakannya, atau barangkali Baginda ﷺ bersabda: "Sehinggalah mereka kenyang."

(Riwayat at-Tirmizi, *Kitab ash-Shaum*, Bab *Ma Ja'a Fi Fadhli as-Shoim Iza Ukila 'Indahu*, no. 785,786, dengan katanya: Hadith hasan sahih)



PENGAJARAN HADITH


1. Antara adab dalam Islam adalah memuliakan tetamu. Apabila tetamu datang disunatkan untuk menjamu tetamu makan sekalipun tuan rumah tersebut seorang yang berpuasa.
2. Orang yang berpuasa sedangkan orang lain makan di sisinya akan didoakan kebaikan kepadanya oleh para malaikat. Bahkan orang yang berpuasa harus mengisytiharkan dirinya sedang berpuasa apabila diajak untuk makan bagi menghormati tetamu yang dijamu makan tersebut.
3. Justeru, puasa adalah ibadah yang mendidik umat Islam supaya bersabar apabila menghadapi sebarang godaan dan ujian yang mencabar ketika berpuasa.



DOA UNTUK TUAN RUMAH YANG MENJAMU BERBUKA PUASA

١٠ - عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ جَاءَ إِلَى سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ، فَجَاءَ بِخُبْزٍ
وَزَيْتٍ، فَأَكَلَ. ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: أَفْطَرَ عِنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ وَأَكَلَ
طَعَامَكُمْ الْأَبْرَارُ وَصَلَّتْ عَلَيْكُمْ الْمَلَائِكَةُ.

—أخرجه أبو داود في سننه، كتاب الأُطعمة، باب ما جاء في الدُّعاءِ
لرَبِّ الطَّعامِ إِذَا أُكِلَ عِنْدَهُ، رقم الحديث 3854، وقال الأرنؤوط:
صحيح كما قال الإمام النووي في "الاذكار".




DOA UNTUK TUAN RUMAH YANG MENJAMU BERBUKA PUASA

Daripada Anas RA, bahawa Nabi ﷺ datang menemui Sa'd bin 'Ubadah RA, lalu Sa'd RA pun menghidangkan roti dan minyak *samin*. Maka Nabi ﷺ memakannya, setelah itu Baginda ﷺ pun mendoakan:

أَفْطَرَ عِنْدَكُمْ الصَّائِمُونَ وَأَكَلَ طَعَامَكُمْ
الْأَبْرَارُ وَصَلَّتْ عَلَيْكُمْ الْمَلَائِكَةُ


(Telah berbuka di rumahmu orang-orang yang berpuasa, telah makan makananmu orang-orang yang baik dan para malaikat pun turut berselawat (memohon keampunan) keatasmu.)

(Riwayat Abu Daud dalam sunannya, *Kitab al-Atimah, Bab Ma Jaá Fi ad-Duái Lirabbi at-Toám Iza Ukila Índahu*, no. 3854, berkata al-Arnaút: Sahih, sebagaimana kata Imam an-Nawawi dalam *al-Azkar*)



PENGAJARAN HADITH

1. Orang yang dijamu makanan berbuka oleh seseorang disunatkan mendoakan orang yang menjamunya dengan doa yang mengandungi kebaikan di dunia dan juga di akhirat seperti mana doa Nabi ﷺ tersebut.
2. Para malaikat turut memohon keampunan kepada Allah SWT kepada orang-orang yang memberi makanan atau menjamu orang-orang yang berpuasa.
3. Justeru, Ramadan adalah bulan keprihatinan sesama Islam lebih-lebih lagi kepada yang memerlukan.



DOA KETIKA BERBUKA PUASA

١١ - عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ
يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
إِنَّ لِلصَّائِمِ عِنْدَ فِطْرِهِ لَدَعْوَةَ مَا تُرَدُّ. قَالَ ابْنُ
أَبِي مُلَيْكَةَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو يَقُولُ
إِذَا أَفْطَرَ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِي
وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِي.

-أخرجه ابن ماجه في سننه، كتاب الصيام، باب في الصَّائِمِ لَا تُرَدُّ
دَعْوَتُهُ، حديث رقم 1753، وقال الأرنبوط: إسناده حسن.




DOA KETIKA BERBUKA PUASA

Daripada Abdullah bin 'Amr RA, beliau berkata, Nabi ﷺ bersabda: "Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu ketika dia berbuka doa yang tidak akan ditolak." Kata Ibn Abi Mulaikah, aku mendengar 'Abdullah bin 'Amr RA berdoa ketika hendak berbuka:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِي

(Ya Allah, sesungguhnya aku memohon rahmat daripada-Mu yang meliputi segala sesuatu agar Engkau mengampuniku)

(Riwayat Ibn Majah, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fi Ash-Shoim La Turaddu Da'watuhu*, no. 1753, berkata al-Arna'ut: sanad hadith ini adalah hasan)



KEBIASAAN DOA NABI ﷺ KETIKA BERBUKA PUASA

١٢ - عَنْ مَرْوَانَ يَعْنِي ابْنَ سَالِمٍ الْمُقَفَّعَ
قَالَ: رَأَيْتُ ابْنَ عُمَرَ يَقْبِضُ عَلَى لِحْيَتِهِ
فَيَقْطَعُ مَا زَادَ عَلَى الْكَفِّ وَقَالَ كَانَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَفْطَرَ،
قَالَ: ذَهَبَ الظَّمَأُ وَابْتَلَّتْ الْعُرُوقُ وَثَبَتَ
الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

-أخرجه أبو داود في سننه، كتاب الصوم، باب القَوْلِ عِنْدَ
الإِفْطَارِ، رقم الحديث 2357 وقال الأرنؤوط: إسناده حسن.



KEBIASAAN DOA NABI ﷺ KETIKA BERBUKA PUASA

Daripada Marwan bin Salim al-Muqaffa', beliau berkata: "Aku melihat Ibn 'Umar RA menggenggam janggutnya, lalu memotong lebih genggamannya. Kemudian beliau berkata bahawa Nabi ﷺ apabila berbuka puasa, Baginda ﷺ berdoa:

ذَهَبَ الظَّمَأُ وَابْتَلَّتِ العُرُوقُ وَثَبَتَ
الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللهُ


(Telah hilang dahaga, telah basah urat-urat dan telah ditetapkan pahala *in sya Allah* (jika Allah menghendaki)."

[Riwayat Abu Daud, *Kitab ash-Shaum, Bab al-Qawli Índa al-lftori*, no. 2357, berkata al-Arna'ut: Sanad hadith ini adalah hasan)



PENGAJARAN HADITH

1. Doa adalah tanda syukur seorang hamba kepada Allah SWT yang telah memberikan pelbagai nikmat, taufik dan hidayah-Nya dalam melakukan amal ibadah.
2. Bagi seseorang yang berpuasa waktu berbuka adalah waktu mustajabnya doa. Namun pada waktu ini pula, ramai manusia sibuk dengan persiapan untuk berbuka sehinggakan ada yang terlepas berdoa pada waktu mustajab ini. Rebutlah peluang berdoa pada waktu ini, dengan memohon segala hajat yang berkaitan dengan kebaikan di dunia dan di akhirat.
3. Justeru, pohonlah jua rahmat serta keampunan daripada Allah SWT pada waktu berbuka agar amalan berpuasa ini diterima dan diampunkan akan segala kekurangan dalam memenuhi tuntutan puasa tersebut.



DISEBALIK BERSAHUR ADA KEBERKATAN

١٣ - عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَسَحَّرُوا، فَإِنَّ
فِي السُّحُورِ بَرَكَةً. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب بركة
السحور من غير إيجاب، حديث رقم 1923، ومسلم في
صحيحه، كتاب الصيام، باب فضل السحور وتأکید استحبابه
واستحباب تأخيره وتعجيل الفطر، حديث رقم 1095.

Maksudnya:


Daripada Anas RA, beliau berkata,
Nabi ﷺ bersabda: "Hendaklah
kamu semua bersahur, kerana
sesungguhnya dengan bersahur itu
ada keberkatan."

(Muttfaqun Álayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab
ash-Shaum, Bab Barakati as-Suhuri Min Ghayri
Iyjab*, no. 1923, Muslim, *Kitab ash-Shiyam,
Bab Fadhli as-Suhuri Wa Ta'kidi Istihbabihi Wa
Istihbabi Ta'khirihi Wa Ta'jili al-Fitri*, no. 1095)



PENGAJARAN HADITH

1. Bersahur adalah sunat muakkad bagi yang berpuasa.
2. Imam Ibn Hajar al-'Asqolani dalam '*Fathul al-Bari*', jilid 4, m/s: 179, mengatakan: "Keberkatan bersahur terhasil daripada sudut yang pelbagai iaitu:
 - i. Mengikuti sunnah Nabi ﷺ.
 - ii. Membezakan puasa ahli kitab yang tidak bersahur.
 - iii. Mendatangkan kekuatan dalam beribadah.
 - iv. Menambahkan kecergasan dalam berpuasa.
 - v. Menjadi benteng kepada buruknya akhlak kesan daripada menahan lapar (seperti malas beribadah)
 - vi. Menjadi galakan untuk bersedekah kepada yang meminta ketika waktu sahur itu.
 - vii. Menjadi galakan untuk berjemaah ketika makan sahur.
 - viii. Menjadi galakan untuk berzikir dan berdoa ketika waktu mustajab doa.
 - ix. Memperingatkan bagi yang lupa berniat puasa sebelum tidur."



SAHUR MEMBEZAKAN PUASA AHLI KITAB

١٤ - عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّ رَسُولَ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فَضْلُ مَا
بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَةُ
السَّحْرِ.

-أخرجه مسلم في صحيحه، كتاب الصيام، باب فضل السحور،
حديث رقم 1096.

Maksudnya:


Daripada 'Amru bin al-'Ash
bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:
"Perbezaan antara puasa kita
(orang Islam) dengan puasanya
ahli Kitab adalah makan sahur."

(Riwayat Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab
Fadhli as-Suhuri Wa Ta'kidi Istihbabihi Wa
Istihbabi Ta'khirihi Wa Ta'jili al-Fitri*, no.
1096)



PENGAJARAN HADITH

1. Ibadah puasa telah diwajibkan ke atas ahli kitab (yahudi dan nasrani) sebelumnya dan telah diwajibkan juga kepada umat Nabi Muhammad tetapi terdapat beberapa perbezaan antara puasa mereka, diantaranya:
 - i. Umat Nabi Muhammad SAW diwajibkan berpuasa setahun sekali iaitu pada bulan Ramadan.
 - ii. Disunnahkan bagi orang Islam yang hendak berpuasa makan sahur sebelum masuk waktu subuh.
2. Waktu sahur adalah salah satu waktu istimewa di bulan Ramadan kerana Allah SWT menawarkan keampunan, pemberian, kebaikan dan mustajabnya doa kepada hamba-hamba-Nya yang mendirikan malam.
3. Justeru, janganlah sia-siakan waktu yang sangat istimewa ini sekadar dengan bersahur tanpa memohon keampunan.



TAMAR ADALAH SEBAIK-BAIK MAKANAN SAHUR


١٥ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: نِعْمَ سَحُورُ
الْمُؤْمِنِ التَّمْرُ.

-أخرجه أبو داود في سننه، كتاب الصوم، باب من سمى
السحور الغداء، حديث رقم 2345، وقال الأرنؤوط:
إسناده صحيح.

Maksudnya:


Daripada Abu Hurairah RA,
daripada Nabi ﷺ bersabda:
"Sebaik-baik (makanan) sahur bagi
seorang mukmin adalah kurma."

(Riwayat Abu Dawud, *Kitab ash-Shaum, Bab
Man Samma as-Sahura al-Ghadaá*, no. 2345,
berkata al-Arnaút: Sanad hadith ini sahih)



PENGAJARAN HADITH

1. Bersahur merupakan persiapan jasmani dan rohani seseorang yang berpuasa sebelum memulakan ibadah puasa.
2. Sebaik-baik makanan ketika bersahur adalah tamar kerana dengan amalan bersahur dengan memakan tamar itu adanya keberkatan dan merupakan dua sunnah yang amat diitikberatkan oleh Nabi ﷺ ketika berpuasa.
3. Secara saintifiknya buah tamar merupakan sumber makanan yang mempunyai banyak khasiat, zat untuk membekalkan gizi dan gula yang diperlukan oleh badan serta membantu memberikan tenaga kepada seseorang yang berpuasa.



SEKURANG-KURANG KADAR MAKANAN SAHUR

١٦ - عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: السَّحُورُ أَكْلُهُ بَرَكَةٌ فَلَا تَدْعُوهُ وَلَوْ أَنْ يَجْرَعَ أَحَدُكُمْ جُرْعَةً مِنْ مَاءٍ فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْمُتَسَحِّرِينَ.

—أخرجه أحمد في مسنده، مُسْنَدُ الْمُكْتَبِرِينَ مِنَ الصَّحَابَةِ، مسند أبي سعيد الخدري رضي الله تعالى عنه، حديث رقم 11086، وقال الأرنؤوط: حديث صحيح.

Maksudnya:


Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Bersahur itu, makanannya ada keberkatan, maka janganlah seseorang kamu meninggalkannya walaupun dengan seteguk air. Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (mendoakan) ke atas orang yang bersahur."

(Hadith riwayat Ahmad, *Musnad al-Mukaththirina Mina as-Sohabah*, *Musnad Abi Sa'id al-Khudry* RA, no. 11086, berkata al-Arnaút: Hadith sahih)



PENGAJARAN HADITH

1. Waktu sahur adalah waktu yang berkat kerana ia adalah waktu hamba-hamba-Nya mendekatkan diri kepada Allah SWT terutamanya di bulan Ramadan, kesempatan bangun sahur juga adalah peluang bagi melakukan amal soleh yang lain.
2. Terhasilnya makan sahur itu dengan apa sahaja yang dimakan dan diminum sekalipun sekadar meminum seteguk air dengan berniat bersahur dengannya. Itu sudah memadai untuk mendapat keberkatan daripada bersahur tersebut.
3. Namun, kadang peluang yang diberikan ini disia-siakan begitu sahaja dengan beralasan tanpa bersahur pun masih mampu berpuasa sehingga lupa bahawa amalan bersahur itu adalah sunnah Nabi ﷺ.



JARAK MASA ANTARA WAKTU SAHUR DAN SUBUH

١٧- عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ
قَالَ: تَسَحَّرْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ، ثُمَّ قُمْنَا إِلَى الصَّلَاةِ. قُلْتُ: كَمْ كَانَ
قَدْرُ مَا بَيْنَهُمَا؟ قَالَ: خَمْسِينَ آيَةً. متفق
عليه واللفظ لمسلم.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب قدر كم بين
السحور وصلاة الفجر، حديث رقم 1921، ولمسلم في صحيحه،
كتاب الصيام، باب فضل السحور وتأكيده استحبابه واستحباب
تأخيره وتعجيل الفطر، حديث رقم 1097.

Maksudnya:


Daripada Zaid bin Thabit RA, beliau berkata: "Kami telah bersahur bersama Rasulullah ﷺ, kemudian kami bangun untuk mendirikan solat, aku pun bertanya: "Berapakah jarak (masa) antara keduanya (azan dan sahur)? Maka Baginda ﷺ menjawab: "(sekadar bacaan) 50 ayat."

(Muttaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab ash-Shaum, Bab Qadri Kam Baina as-Sahuri Wa Solati al-Fajr*, no. 1921, Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Fadhlul as-Sahur wa Ta'kidi Istihbabih wa Istihbabu Ta'khirih wa Ta'jili al-Fitri*, no. 1097, hadith lafaz riwayat Muslim)



PENGAJARAN HADITH

1. Waktu yang disunnahkan bersahur bermula daripada akhir malam sebelum waktu subuh sehingga terbit fajar sadik dan permulaan waktu sahur pula adalah pada waktu fajar al-Kazib (fajar pertama) sehinggalah fajar sadik (fajar kedua).
2. Ini disebut oleh Imam al-Nawawi dalam mensyarahkan hadith ini, jilid 5, m/s: 2982: "Maknanya, jarak antara kedua waktu tersebut adalah kadar bacaan 50 ayat al-Quran serta padanya galakan untuk melewati sahur sehingga dekat masuk waktu fajar".
3. Justeru, manfaatkanlah masa bangun untuk bersahur dengan amalan qiyamullail dan banyakkkan berdoa kerana waktu bersahur adalah waktu mustajabnya doa .



PERBEZAAN AZAN SAHUR DAN SUBUH

١٨ - عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا يَمْنَعَنَّ أَحَدَكُمْ أَوْ أَحَدًا مِنْكُمْ أَذَانُ بِلَالٍ مِنْ سَحُورِهِ، فَإِنَّهُ يُؤَدِّنُ أَوْ يُنَادِي بِلَيْلٍ لِيَرْجِعَ قَائِمَكُمْ وَلِيُنَبِّهَ نَائِمَكُمْ، وَلَيْسَ أَنْ يَقُولَ الْفَجْرُ أَوْ الصُّبْحُ، وَقَالَ بِأَصَابِعِهِ وَرَفَعَهَا إِلَى فَوْقٍ وَطَاطَأَ إِلَى أَسْفَلٍ حَتَّى يَقُولَ: هَكَذَا. وَقَالَ زُهَيْرٌ: بِسَبَابَتَيْهِ إِحْدَاهُمَا فَوْقَ الْأُخْرَى ثُمَّ مَدَّهَا عَنْ يَمِينِهِ وَشِمَالِهِ.


التخريج: صحيح البخاري، كتاب الأذان، باب الأذان قبل الفجر، حديث رقم 621.



PERBEZAAN AZAN SAHUR DAN SUBUH


Daripada 'Abdullah bin Mas'ud RA, daripada Nabi ﷺ bersabda: "Azannya Bilal tidaklah menghalangi seorang daripada kamu atau seseorang daripada makan sahurnya, kerana dia (Bilal RA) mengumandangkan azan ketika masih waktu malam untuk mengingatkan orang yang sedang solat daripada kamu (agar bersahur atau menyiapkan diri solat Subuh) dan membangunkan orang yang sedang tidur dari kamu (untuk bersahur atau solat malam). Dan azan Bilal tidak bermaksud memberitahukan masuknya waktu fajar atau Subuh." Baginda ﷺ menjelaskan dengan isyarat jarinya, dengan mengangkat ke atas dan menurunkannya kembali hingga nampak cahaya seperti ini." Zuhair menyebutkan: "Baginda ﷺ menunjukkan isyarat dengan kedua jari telunjuknya, salah satu jari Baginda ﷺ diletakkan di atas yang lainnya, kemudian membentangkannya ke kanan dan kirinya."

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Azan, Bab al-Azani Qabla al-Fajr*, no. 621)



PENGAJARAN HADITH

1. Waktu subuh terbahagi kepada dua, iaitu fajar kazib dan fajar sadik dan waktu yang sebenar berakhirnya tempoh bersahur adalah pada waktu fajar sadik.
2. Orang bersahur dibolehkan makan selagi belum masuknya waktu fajar sadik dan berakhirnya waktu sahur apabila munculnya cahaya fajar sadik atau waktu azan subuh.
3. Justeru, azan fajar kazib bukan sahaja untuk memberitahu waktu bersahur tetapi juga bagi mengejutkan orang yang tidur untuk bangun dan mempersiapkan diri untuk solat subuh.



PAHALA UMRAH DI BULAN RAMADAN

١٩ - عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:
لَمَّا رَجَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ
حَجَّتِهِ قَالَ لِأُمِّ سِنَانِ الْأَنْصَارِيَّةِ: مَا مَنَعَكَ
مِنَ الْحَجِّ؟ قَالَتْ: أَبُو فَلَانٍ، تَعْنِي زَوْجَهَا
كَانَ لَهُ نَاضِحَانِ حَجَّ عَلَى أَحَدِهِمَا وَالْآخَرَ
يَسْقِي أَرْضًا لَنَا، قَالَ: فَإِنَّ عُمْرَةَ فِي رَمَضَانَ
تَقْضِي حَجَّةً أَوْ حَجَّةً مَعِي. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه ، كتاب جزاء الصَّيْدِ وَنَحْوِهِ وَقَوْلِ اللَّهِ
تَعَالَى : لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ، بَابُ حَجِّ النِّسَاءِ، حديث رقم
1863، ومسلم، كِتَابُ الْحُجِّ، بَابُ فَضْلِ الْعُمْرَةِ فِي رَمَضَانَ، حديث
رقم 1526.



PAHALA UMRAH DI BULAN RAMADAN

Daripada Ibnu 'Abbas RA, beliau berkata: "Ketika Nabi SAW kembali daripada mengerjakan haji, Baginda berkata kepada Ummu Sinan al-Ansariyyah: "Apa yang menghalangmu dari menunaikan haji?." Wanita itu menjawab: "Bapa si fulan". Merujuk kepada suaminya. "Dia memiliki dua ekor unta yang seekornya digunakan untuk menunaikan haji sedangkan seekor lagi digunakan untuk menyiram tanaman buat kami". Kemudian Baginda bersabda: "Umrah pada bulan Ramadan sebanding dengan (pahala) haji atau haji yang dilakukan bersamasamaku."

(Mutafaqun 'Alayhi, hadith riwayat al-Bukhari, *Kitab Jaza' al-Shoidi wanahwihi, waqawlihi Ta'ala*: لَا تَعْتَلُوا الصَّيِّدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ, Bab Hajji An-Nisaí, no. 1863, Muslim, Kitab al-Hajj, Bab Fadhl al-Úmrati Fi Ramadhana, no. 1526)



PENGAJARAN HADITH


1. Ibadah haji merupakan rukun Islam yang kelima dan difardukan hanya bagi seseorang yang memiliki kemampuan berdasarkan ketentuan syarak.
2. Umrah pula adalah, amalan sunat yang mengikuti ibadah haji atau boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja. Namun ibadah umrah yang dilakukan pada bulan Ramadan menyamai pahala mengerjakan haji atau mengerjakan haji bersama-sama Rasulullah SAW.
3. Justeru, ganjaran dapat menunaikan umrah di bulan Ramadan amatlah besar kerana kemuliaan bulan Ramadan itu sendiri.



RUJUKAN


Petikan al-Quran dan hadith:

1. Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Cetakan Kedua puluh dua Darul Fikir/ 2013.
2. Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanih wa Ayyamih (Sahih al-Bukhari). Beirut: Dar Ibn Kathir, Cetakan 1/2002.
3. Al-Qusyairi, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasul SAW (Sahih Muslim). Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (ed). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
4. Al-Sijistani, Abu Daud Sulayman bin al-Asy'ath. Sunan Abi Daud. Syu'aib al-Arnaut (ed). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
5. At-Tirmizi, al-Hafiz Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa at-Tirmizi, al-Jami' al-Kabir, Dar al-Gharabi al-Islami, Cetakan 1/1996.
6. An-Nasaa'i, Abu Abdul Rahman Ahmad bin Ali bin Syu'aib bin Sinan, Sunan as-Sughra. Beirut: Mu'assasah al-Risalah., Cetakan Pertama/ 2001.
7. Al-Qazwini, Ibn Majah Muhammad Ibn Yazid, Sunan Ibn Majah. ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Dimasyq: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
8. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaybani, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, ed. Shu'aib al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Cetakan Pertama/ 2001.
9. .../



RUJUKAN

9. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaybani, Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal, ed. Ahmad Muhammad Syakir. al-Qahirah: Dar al-Hadith. Cetakan Pertama/ 1995.
10. Ibn Hajar, Abu al-Fadhl Syihabuddin Ahmad bin Áli bin Muhammad al-Kanany al-Ásqolany, Fathu al-Bary Bi Syarhi Sahih al-Bukhary. Ar-Riyadh: Dar As-Salam. Cetakan Ketiga/2000.
11. An-Nawawi, Abu Zakariya Muhyiddin Yahya bin Syarf an-Nawawi, al-Minhaj Fi Syarhi Sahih Muslim bin al-Hajaj (Sahih Muslim Bi Syarhi an-Nawawi, Dar al-Ma'rifah, Cetakan Ketujuh/2000.
12. Ibn Raslan, Syihabuddin Abu al-'Abbas Ahmad bin Husayn bin 'Ali bin Raslan al-Maqdasy, Syarhu Sunan Abi Dawud, Dar al-Falah, Cetakan Pertama/2016.
13. Al-Mubarakfury, Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim, Tuhfatu al-Ahwazy Syarh Jami' at-Tirmizy, Dar al-Fikr.
14. Ibn Rajab al-Hanbali, Abu Faraj Ábdul Rahman bin Ahmad bin Rajab as-Sulami al-Baghdadi Thumma ad-Dimasyqi, Lataa'if al-Ma'arif Fiima Limawaasimi Min Wazhooif, Dar Ibn Kathir, Cetakan 5/1999.
15. Mustaffa Saíd al-Khan, Mustaffa al-Bugha, Muhyiddin Mastu, Áli as-Sarbaji, Muhammad Ameen Lutfi, Nuzhatul al-Muttaqin Syarh Riyadu as-Salihin, Muassasah al-Risalah, Cetakan Keempat Belas/1987.



PENGHARGAAN

1. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
2. Encik Mohd Salahuddin bin Dato' Mohamed
3. Puan Adawiah binti Lias
4. Puan Hazizah binti Yusoff
5. Encik Muhammad Nur Adzim bin Amran
6. Encik Muhammad Haafizuddin bin Abirerah
5. Encik Yus Mahadi bin Yusoff
6. Encik Mohamad Khalid bin Bahrudin
7. Encik Mohd Ghazali bin Mohamed Nor
8. Encik Mohammad Zaki bin Yahpar
9. Encik Shahrul Ridhwan bin S. Ali
10. Encik Munir Zihni bin Hassan
11. Puan Siti Zuraima binti Bujang
12. Puan Khadijah binti Hariri
13. Puan Suria binti Shapie
14. Puan Siti Rafidah binti Mohd Faudzi
15. Puan Nur Fazwanis binti Othman

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penulis, penyemak dan semua pihak dan individu yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam menyiapkan buku ini.

